



01 MAY, 2022

## Bekalan barang keperluan mencukupi

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 1

# Bekalan barang keperluan mencukupi

**KOTA BHARU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli bahan mentah barangan keperluan dalam kuantiti yang banyak menjelang sambutan Aidilfitri ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, ia bagi mengelak berlaku ketiadaan bekalan terbabit sehingga mengakibatkan

kan pengguna lain terkesan kerana sukar mendapatkan barangan yang diinginkan.

"MAFI telah berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar ayam dan pengimport daging, malah mereka sedia memberi kerjasama memastikan bekalan makanan di musim perayaan mencukupi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Semarak Syawal Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dekat Tunjong, di sini semalam. Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, pengguna kini boleh menikmati harga diskaun 10 hingga 20 peratus bagi bekalan bahan mentah itu menerusi pelaksanaan Program My Best Buy Karnival Raya yang memabitkan 797 outlet pemasaran di seluruh negara yang dianjurkan MAFI. - Bernama